

DASAR INTEGRITI
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

**MBSP KOMITED UNTUK MEMASTIKAN SEMUA KAKITANGAN
BERINTEGRITI DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA
PELANGGAN. UNTUK TUJUAN INI, MBSP AKAN:**

- i. Memberi kesedaran dan penambahbaikan berhubung Integriti dalam MBSP.
- ii. Menentukan sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan MBSP dapat menangani gejala rasuah, penyelewengan dan salah gunakuasa.
- iii. Melaksanakan penguatkuasaan sistem pengesanan, punitif dan pemulihan dalam MBSP terhadap sebarang pelanggaran disiplin yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan sediaada.
- iv. Membudayakan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika dalam MBSP berdasarkan kepada dasar, perundangan, peraturan serta prosedur.
- v. Menjelaskan peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis dan warga MBSP serta peranan yang harus dilaksanakan oleh Jabatan.



DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai

DASAR PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWER*) MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MBSP komited dalam mewujudkan ruang pemberitahuan maklumat yang selamat bagi aktiviti suapan/sogokan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.

Pemberitahuan maklumat adalah suatu perbuatan secara sukarela dan suci hati melaporkan apabila mendapati, mendengar, melihat, menyaksikan berlakunya aktiviti suapan / pelanggaran dasar integriti / Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS) yang dilakukan oleh warga MBSP.

Dasar Pemberi Maklumat dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. Menyediakan saluran untuk pihak pekerja dan orang awam untuk mendedahkan sebarang aktiviti yang mempunyai unsur suapan atau pelanggaran Dasar Integriti/ Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS).
2. Menyediakan kaedah supaya pendedahan dapat ditangani dengan cara yang efektif.
3. Memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang ancaman/tindakbalas dan merahsiakan identiti pemberi maklumat.
4. Memberi layanan secara adil kepada kedua-dua pihak (pemberi maklumat dan orang yang diadu).

Sebarang Pemberian Maklumat boleh dikemukakan melalui Alamat e-mail – whistleblower@mbsp.gov.my. Untuk memastikan pemberi maklumat dilindungi di bawah ini, pemberi maklumat perlu menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Pemberi Maklumat hendaklah menyatakan butir-butir diri orang yang terlibat, jenis dakwaan, masa dan tempat kejadian serta lain-lain bukti sokongan yang berkaitan, jika ada.

Pihak Pengurusan MBSP berhak untuk menyalurkan Pemberian Maklumat yang dibuat kepada saluran aduan berkaitan yang lain jika pendedahan tersebut tidak termaktub di bawah dasar ini.



DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BORANG AKU JANJI: DASAR PEMBERI MAKLUMAT

1. MAKLUMAT PEMBERI MAKLUMAT

- Nama Penuh: _____
- No. Kad Pengenalan: _____
- No. Telefon: _____
- E-mel: _____

2. PERNYATAAN AKU JANJI

Saya dengan ini mengaku dan berjanji bahawa:

- **Suci Hati & Benar:** Laporan yang dibuat adalah atas kesedaran sendiri secara sukarela, benar, dan bebas daripada sebarang niat jahat atau kepentingan peribadi.
- **Kerahsiaan Maklumat:** Saya akan menjaga kerahsiaan maklumat aduan ini dan tidak akan mendedahkannya kepada mana-mana pihak selain daripada Unit Integriti MBSP.
- **Tanggungjawab Undang-Undang:** Saya faham bahawa sekiranya maklumat atau aduan yang saya berikan ini didapati palsu, berniat jahat, atau rekaan semata-mata, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan undang-undang.

3. PENGESAHAN

(Tandatangan Pemberi Maklumat)

Tarikh: _____